

Anwar dijadual ke UAE, Arab Saudi bulan depan

PM adakan lawatan kerja sebelum hadiri Sidang Kemuncak ASEAN-GCC

New York: Datuk Seri Anwar Ibrahim akan mengadakan lawatan kerja ke Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Arab Saudi, bulan depan.

Perdana Menteri berkata, beliau akan berada di UAE pada 5 dan 6 Oktober ini untuk lawatan kerja, sebelum menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-Majlis Kerjasama Teluk (GCC) yang dihoskan Arab Saudi di Riyadh pada 16 Oktober.

“UAE dan Arab Saudi mempunyai kerjasama yang lebih kukuh dengan kita. Kami berharap mereka akan melabur dengan lebih banyak,” katanya.

Perdana Menteri berada di sini bagi menghadiri Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNGA) ke-78.

Ketika sesi soal jawab selepas menyampaikan ucapamanya bertajuk *Regaining Malaysia's Lead in Asia* (Mengembalikan Penerajuan Malaysia di Asia) pada majlis Invest Malaysia New York kelmarin, Anwar berkata ada minat yang semakin meningkat dalam kalangan anggota GCC terhadap ASEAN.

“Kami (ASEAN) menerima minat yang semakin meningkat



Anwar ketika sesi soal jawab pada majlis Invest Malaysia New York, kelmarin.

(Foto BERNAMA)

daripada Arab Saudi, UAE dan Qatar,” katanya.

Pelaburan meningkat

Hubungan dua hala dan ekonomi yang kukuh antara Malaysia dan UAE terus berkembang, dengan perdagangan dan pelaburan yang semakin meningkat.

Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, dalam pertemuan dengan rakan sejawatnya dari UAE, Sheikh Abdullah

Zayed Al Nahyan di luar UNGA pada Selasa, berkata sejak Januari hingga April tahun ini, jumlah perdagangan antara kedua-dua negara meningkat 5.7 peratus iaitu daripada RM11.25 bilion kepada RM11.89 bilion.

Ketika lawatan ke Kuala Lumpur pada Mei lalu, Menteri Perdagangan UAE, Thani Al Zeyoudi, berkata pelaburan Malaysia di UAE berjumlah AS\$150 juta, manakala pelaburan UAE di negara ini pula

mencecah AS\$220 juta.

Arab Saudi pula menjadi rakan dagangan terbesar Malaysia dalam kalangan negara Asia Barat, dengan jumlah perdagangan dua hala antara kedua-dua negara pada 2022, mencatatkan AS\$10.26 bilion, meningkat 159.2 peratus daripada 2021.

Antara projek utama Arab Saudi di Malaysia ialah Kompleks Bersepadu Pengerang di Johor oleh Saudi Aramco.

BERNAMA